

Kerajaan komited urus tenaga lebih cekap ke arah negara rendah karbon

Oleh Amir Abd Hamid - Mei 17, 2022 @ 3:28pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju. Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited untuk memacu pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional (NEAAP) 2016-2025.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju, berkata pelan tindakan itu menyediakan kerangka dan strategi bagi pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga sektor komersial, industri serta domestik.

Beliau berkata, pelan itu menyasarkan pengurangan tenaga elektrik melebihi 50,000 gigawat sejam (GWj)

dalam tempoh 10 tahun pelaksanaannya iaitu lapan peratus pengurangan permintaan tenaga pada 2025.

"Sasaran itu menganggarkan pengurangan pelepasan gas rumah kaca melebihi 37,000 kilotonnes of carbon dioxide equivalent (ktCO₂e)," katanya berucap merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil Energy Management Gold Standard (EMGS) di bawah Asean Energy Management Scheme (AEMAS), di sini, hari ini.

Beliau berkata, selain itu berdasarkan Malaysia Energy Statistics Handbook 2020 oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada 2018, sektor bangunan dan domestik menyumbang 12 peratus penggunaan tenaga akhir atau (FEC), manakala sektor industri menyumbang kepada 29.5 peratus penggunaan tenaga akhir.

Justeru, katanya, pada masa depan lebih banyak bangunan dijangka dibina seiring peningkatan populasi, kadar perindustrian yang semakin pesat dan juga arus modenisasi semasa.

"Faktor faktor ini menyumbang kepada permintaan dan penggunaan tenaga lebih tinggi.

"Tanpa pengurusan tenaga yang cekap, situasi ini boleh menyebabkan kesan perubahan iklim yang ekstrem," katanya.

Ali berkata, pihaknya sedia maklum kecekapan tenaga antara penyumbang utama dalam mencapai hasrat dan komitmen pembangunan mampan negara, namun ia sering diabaikan.

Beliau berkata, inisiatif kecekapan tenaga dalam agenda peralihan tenaga negara perlu digembleng sebaik mungkin bagi menyokong aspirasi menangani kesan perubahan iklim dan aspirasi ke arah negara rendah karbon.

"Selain itu, inisiatif ini berupaya mewujudkan industri tenaga lestari tempatan kompeten dan berwibawa yang turut menawarkan peluang bagi menaikkan daya saing ekonomi negara dengan lebih mampan.

"Pada masa sama, inisiatif kecekapan tenaga turut berpotensi kepada pengurangan kos operasi dengan mengurangkan penggunaan tenaga serta menyumbang kepada produktiviti sesuatu entiti.

"Dalam hal ini, kerajaan khususnya Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sentiasa memberi penekanan kepada penggunaan tenaga dengan cekap melalui Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2008 (EMEER 2008)," katanya.

Beliau berkata, kawal selia penggunaan tenaga dengan cekap akan terus ditambah baik dengan penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga dalam masa terdekat.